

# Keputusan analisis kes kupang beracun dijangka 3 hingga 5 hari

on 04/04/24 m/s 31

**PUTRAJAYA:** Jabatan Perikanan Malaysia (DoF) dijangka menge luarkan keputusan penuh analisis makmal terhadap kes ku pang beracun di Port Dickson dalam beberapa hari lagi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, makmal agensi tersebut masih

melakukan kajian terhadap sampel kes tersebut.

“Sebenarnya ada tiga analisis yang perlu dilaksanakan dengan ujian identifikasi plankton perlu tempoh paling kurang tiga hari manakala mikrobiologi pula lima hari,” jelasnya.

Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan kelmarin memak-

lumkan pihaknya mengesan ada insiden keracunan itu menerusi notifikasi dari Hospital Port Dickson pada Isnin lalu.

Siasatan awal mendapati kesemua kes melibatkan beberapa keluarga yang memiliki sejarah pernah memakan kupang dibeli dari dua pasar di sekitar daerah Port Dickson.